

**NO. SOALAN: 16**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH : 23 MAC 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**YB Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan akan meratifikasi "Extractive Industries Transparency Initiative" (EITI), berikutan keperluan kritikal sebuah badan bebas untuk mengaudit dan melaporkan hasil petroleum negara, di kala penurunan harga pasaran minyak mentah.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Extractive Industries Transparency Initiative* (EITI) telah diumumkan oleh mantan Perdana Menteri Britain Tony Blair di *World Summit for Sustainable Development* pada tahun 2002. Ianya antara lain bertujuan meningkatkan ketelusan dalam sektor *extractive*. Ini merangkumi bukan setakat perusahaan minyak dan gas malahan sektor perlombongan dan mineral yang berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Berdasarkan Perkara 99, Perlembagaan Persekutuan, segala hasil dan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan akan dibentangkan pada setiap tahun. Ini termasuk semua hasil petroleum samada dalam bentuk cukai, royalti dan dividen yang dilaporkan dalam Buku Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan yang dibentangkan bersama-sama Belanjawan Negara pada Hari Belanjawan Negara pada setiap tahun.

Semua hasil negara termasuk sumber petroleum seterusnya akan diakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan. (Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan).

Semua maklumat hasil dan perbelanjaan Kerajaan dinyatakan secara jelas dalam laporan tersebut. Kerajaan juga mempunyai mekanisme pemantauan pengurusan perbelanjaan melalui Laporan Audit Negara yang dikeluarkan setiap tahun yang jelas menyatakan anomalai atau pengurusan kewangan yang tidak teratur di peringkat Kementerian dan

agensi Kerajaan. Selain itu, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara atau *Public Accounts Committee* (PAC) di peringkat Parlimen juga turut memainkan peranan yang penting selama ini bagi memastikan pengurusan kewangan awam yang telus dan berintegriti.

Dari persepektif PETRONAS pula, ia adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Sepertimana syarikat-syarikat lain, PETRONAS menyediakan laporan kewangan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan kehendak peruntukan perakaunan yang diperakui serta diaudit oleh dua juruaudit bertauliah iaitu KPMG dan Ernst & Young.

PETRONAS turut menerbitkan Laporan Tahunan lengkap dengan laporan kewangan dan operasi setiap tahun. Laporan Tahunan ini turut dimuatkan dalam laman web PETRONAS dan boleh dimuat-turun oleh pihak-pihak yang berminat. Akaun PETRONAS juga diteliti oleh agensi-agensi penarafan (*rating agencies*) antarabangsa terkemuka seperti Standard & Poor dan Moody's dan agensi-agensi ini telah memberikan penarafan yang sama atau lebih baik daripada syarikat-syarikat minyak dan gas terkemuka antarabangsa.

Inisiatif ini bukanlah satu-satunya inisiatif yang ada memandangkan terdapat banyak inisiatif lain yang mempunyai tujuan yang sama. Sebagai contoh PETRONAS juga telah menjadi ahli kepada *International Petroleum Industry Environmental Conservation Association* (IPIECA). IPIECA terdiri daripada 32 syarikat antaranya termasuk BP, Shell, Exxon Mobil, ConocoPhillips, Chevron, Total, Statoil, Petrobras dan lain-lain.

Oleh yang demikian, pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang menyertai "Extractive Industries Transparency Initiative" (EITI) kerana sistem pelaporan hasil petroleum negara sedia ada berfungsi dengan baik dan memadai.

Sekian. Terima kasih.